

30/05/1998

## Peranan wanita dalam parti dipertingkatkan

KUALA LUMPUR, Jumaat - MCA akan mewajibkan perwakilan bahagian ke perhimpunan agung parti dianggotai sekurang-kurangnya seorang wanita melalui pindaan perlembagaan yang dibentang di Perhimpunan Agung parti ke-45 esok.

Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata pindaan itu adalah antara tiga pindaan yang akan dibuat terhadap perlembagaan MCA.

Menurutnya, dua lagi pindaan ialah menambah keanggotaan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MCA daripada 27 ke 33 anggota dan penggunaan formula baru bagi memastikan jumlah perwakilan ke perhimpunan agung MCA tidak melebihi 2,500 orang.

"Tiga pindaan itu dijangka diluluskan tanpa banyak halangan esok," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Wanita MCA di ibu pejabat parti, hari ini.

Perhimpunan Agung MCA dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan San Choon, Bangunan MCA. Ia adalah perhimpunan terakhir sebelum pemilihan pucuk pimpinan tahun depan.

Dr Ting yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, pindaan yang mewajibkan sekurang-kurangnya seorang wanita dipilih ke perhimpunan agung di setiap bahagian akan meningkatkan peranan wanita dalam parti itu.

Bagi perhimpunan kali ini, katanya, hanya 175 perwakilan wanita saja daripada 2,502 perwakilan dari seluruh negara.

"Jumlah itu hanya merangkumi tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan dan kami menganggap ia tidak mencukupi.

"Pindaan itu akan memastikan 131 wanita terpilih secara automatik, dan selebihnya boleh ditambah menerusi pemilihan," katanya sambil menegaskan, pucuk pimpinan MCA berpuas hati dengan sumbangan Wanita MCA dan mahu ia bergiat lebih cergas lagi di masa depan.

Beliau menjelaskan, pindaan perlembagaan bagi membesarkan saiz CWC membabitkan tambahan enam keanggotaan tambahan, iaitu 25 dipilih dan lapan dilantik, berbanding 20 terpilih dan tujuh dilantik sebelum ini.

Difahamkan, pembesaran CWC itu dibuat untuk mengurangkan kegiatan politiking bagi jawatan terbabit dalam tempoh setahun menjelang pemilihan nanti.

(END)